



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE


Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

PENGENALAN KEPADA AKTA ARKIB NEGARA 2003 (AKTA 629)

Ditulis oleh: Ahmad Azman bin Mohamad
Ramli

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) merupakan dokumen perundangan yang memperuntukkan bidang kuasa pengurusan rekod awam dan arkib awam di Malaysia. Akta ini juga memansuhkan akta terdahulu iaitu Akta Arkib Negara 1966. Akta ini telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada tarikh 29 Julai 2003 dan telah diwartakan secara rasmi oleh Parlimen Malaysia pada tarikh 7 Ogos 2003. Kandungan akta ini terpakai di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya juga termasuk di seluruh Negeri Sabah dan Sarawak tetapi hanya berkenaan dengan rekod awam yang wujud pada atau selepas Hari Malaysia.



Gambar 1: Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)

Sebelum diperkenal akta ini, elok terlebih dahulu didefinisi perkataan rekod awam dan arkib awam. Secara ringkasnya, akta ini menyatakan rekod awam ialah rekod yang diterima secara rasmi atau yang dikeluarkan oleh mana-mana pejabat awam bagi perjalanan hal ehwal rasminya. Arkib awam pula ialah rekod awam yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sebagai mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan telah dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia. Arkib Awam juga boleh merujuk kepada mana-mana rekod persendirian yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sebagai mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal.

Secara amnya, akta ini disediakan bertujuan untuk menyediakan peruntukan undang-undang bagi pewujudan, pemerolehan, jagaan, pemeliharaan, penggunaan, dan pengurusan rekod awam dan arkib awam di Malaysia bagi memastikan ianya dapat dipelihara untuk kegunaan generasi kini dan masa depan.

Akta ini terbahagi kepada lapan bahagian. Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Bahagian I – Permulaan

Bahagian ini merupakan permulaan kepada akta. Ia mengandungi sebanyak 3 seksyen iaitu seksyen 1, 2 dan 3. Antara lain bahagian ini memperuntukkan perundangan berkaitan pemakaian dan

permulaan kuat kuasa akta ini serta tafsiran perkataan-perkataan yang digunakan di dalam akta ini.

2. Bahagian II – Arkib Negara dan Ketua Pengarah

Bahagian ini memberikan peruntukan perundangan berkaitan struktur organisasi Arkib Negara Malaysia serta fungsinya. Bahagian ini mengandungi sebanyak 7 seksyen iaitu seksyen 4,5,6,7,8,9 dan 10. Antara lain bahagian ini memperuntukkan perundangan berkaitan penubuhan Arkib Negara Malaysia, perantikan dan fungsi Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, perantikan pegawai dan sebagainya.

3. Bahagian III - Lembaga Penasihat

Bahagian ini memberikan peruntukan perundangan berkaitan struktur organisasi Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia serta fungsinya. Bahagian ini mengandungi sebanyak 14 seksyen iaitu seksyen 11,12,13,14,15,16,17,18,19,20,21, 22,23 dan 24. Antara lain bahagian ini memperuntukkan perundangan berkaitan penubuhan Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia, fungsi lembaga, keanggotaan lembaga dan sebagainya.

4. Bahagian IV – Pengurusan Rekod

Bahagian ini memberikan peruntukan perundangan berkaitan cara rekod awam di Malaysia harus diuruskan. Bahagian ini mengandungi sebanyak 11 seksyen iaitu seksyen 25,26,27,28,29,30,31,32,33,34 dan 35. Antara lain bahagian ini

memperuntukkan perundangan berkaitan larangan terhadap pemusnahan rekod awam, pelupusan rekod awam, jadual pelupusan rekod, pemindahan rekod awam ke Arkib Negara Malaysia dan sebagainya.

5. Bahagian V – Pentadbiran Arkib

Bahagian ini memberikan peruntukan perundangan berkaitan cara arkib awam di Malaysia harus ditadbir. Bahagian ini mengandungi sebanyak 4 seksyen iaitu seksyen 36,37,38 dan 39. Antara lain bahagian ini memperuntukkan perundangan berkaitan pemeliharaan arkib awam, akses kepada arkib awam, larangan terhadap penghasilan semula dan penerbitan arkib awam dan sebagainya.

6. Bahagian VI – Penubuhan dan Pengurusan Arkib Menteri dan Arkib Memorial

Bahagian ini memberikan peruntukan perundangan berkaitan penubuhan dan pengurusan Arkib Menteri dan Arkib Memorial yang diurus oleh Arkib Negara Malaysia. Bahagian ini mengandungi sebanyak 2 seksyen iaitu seksyen 40 dan 41. Seksyen-seksyen tersebut ialah berkaitan penubuhan Arkib Menteri dan Arkib Memorial serta jenis bahan yang perlu diserahkan di Arkib Menteri dan Arkib Memorial.

7. Bahagian VII – Am

Bahagian ini memberikan peruntukan perundangan berkaitan perkara am atau umum, seperti kesahan di sisi undang-undang salinan fotografi, larangan terhadap eksport rekod awam dan arkib awam, penyediaan laporan tahunan oleh Arkib Negara Malaysia, kuasa menteri membuat peraturan dan sebagainya. Bahagian ini mengandungi sebanyak 6 seksyen iaitu seksyen 42,43,44,45,46 dan 47.

8. Bahagian VIII – Arkib Negeri

Bahagian ini memberikan peruntukan perundangan berkaitan penubuhan Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri. Bahagian ini menyatakan Arkib Negara Malaysia boleh menubuhkan Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri. Bagaimanapun, penubuhan ini hendaklah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu. Bahagian ini mengandungi satu seksyen sahaja iaitu seksyen 48.

Kesimpulannya, Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) adalah merupakan kerangka undang-undang yang sangat penting untuk memastikan rekod awam dan arkib awam di Malaysia dapat diurus dan dipelihara dengan terbaik. Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan sumber maklumat yang amat bernilai ini dapat digunakan oleh generasi kini dan akan datang untuk tujuan rujukan, pembuktian dan sebagainya.